



BIDANG kosmetologi bukan sahaja berteraskan seni, tetapi juga sains yang menggunakan teknologi terkini.



PELAKSANAAN program TVET merupakan sebahagian daripada kod kursus yang memberi fokus kepada tiga bidang utama iaitu kosmetologi, fesyen dan kulineri.

Pelajar Sains Rumahtangga teroka kerjaya bidang TVET

Rentak Kampus
Oleh FARID AHMAD TARMUI

MUTAKHIR ini, Program Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) menjadi satu bidang yang diperkasakan oleh kerajaan. Malah, pelajar juga digalakkan untuk menyertai bidang ini kerana ia sebenarnya menyediakan peluang pekerjaan kepada mereka.

Kini, pelbagai institusi menyediakan program TVET bagi membolehkan

pelajar-pelajar yang meminati bidang tersebut dapat mendalami ilmu kemahiran yang mereka minati.

Oleh itu, Fakulti Pengajian Pendidikan (FPP), Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menyediakan peluang tersebut menerusi penganjurkan program HomeSc Beauty Spa baru-baru ini.

Pelaksanaan program berasaskan elemen TVET itu merupakan salah satu inisiatif untuk membuka peluang kerjaya kepada pelajar Bachelor Pendidikan (Sains Rumahtangga) dalam bidang kosmetologi.

Program bertemakan 'Relax, Renew, Revitalize' ini bertujuan mengasah kemahiran pelajar dengan memberi pendedahan

PROGRAM berasaskan elemen TVET itu bertujuan mengasah kemahiran pelajar dengan memberi pendedahan teori dan praktikal bagi menghadapi dunia pekerjaan sebenar.

teori dan praktikal bagi menghadapi dunia pekerjaan sebenar.

Ketua Program, Anis Zakaria yang juga pensyarah dalam bidang Sains Rumahtangga berkata, program ini merupakan sebahagian daripada kod kursus yang memberi fokus kepada tiga bidang utama iaitu kosmetologi, fesyen dan kulineri.

"Ramai beranggapan bidang pendidikan Sains Rumahtangga hanya melahirkan tenaga pengajar, namun dengan kemahiran dan pengetahuan yang dimiliki, pelajar juga berpotensi menceburi perniagaan sendiri."

"Bidang ini turut menyokong inisiatif TVET dengan membolehkan pelajar menyumbang kemahiran dan ilmu kepada industri, khususnya dalam bidang kecantikan serta penjagaan diri yang menawarkan pelbagai peluang kerjaya."

"Bidang kosmetologi bukan sahaja berteraskan seni, tetapi juga sains yang menggunakan teknologi terkini untuk meningkatkan kecantikan dan kesihatan tubuh," katanya.

Tambahnya, program seperti HomeSc Beauty Spa ini membuka ruang kepada pelajar untuk meneroka industri sambil mempersiapkan mereka dengan kemahiran yang relevan untuk masa depan.

Sementara itu, Pelajar Bachelor Pendidikan Sains Rumahtangga dengan Kepujian, FPP, UPM, Nur Syahzanani Nasir, 22, berkata, kursus ini telah membantunya meningkatkan kemahiran komunikasi, terutamanya ketika berinteraksi dengan pelanggan.

"Komunikasi amat penting bagi memahami kehendak pelanggan dan memenuhi cita rasa mereka."

"Selain itu, saya juga belajar membina hubungan positif dengan pelanggan serta memanfaatkan pemasaran digital untuk mempromosikan produk atau perkhidmatan," jelasnya.

Dalam pada itu, rakannya, Nurin Jazlina Juharis, 21, berkata, kursus ini merangkumi pelbagai aspek termasuklah elemen sains yang diaplikasikan dalam aktiviti praktikal seperti memahami bahan kimia dalam produk penjagaan diri.

"Dengan pengetahuan tentang pengurusan perniagaan dan pemasaran, elemen TVET ini membantu saya dalam membuat keputusan kerjaya pada masa depan," terangnya.



PELAJAR berpotensi menceburi perniagaan sendiri dengan menggunakan kemahiran dan pengetahuan yang dimiliki.



PARA pelajar diberi peluang meneroka industri sambil mempersiapkan mereka dengan kemahiran yang relevan untuk masa depan.



FPP, UPM menganjurkan program HomeSc Beauty Spa baru-baru ini.